

# Sistem agro makanan IoT UTeM jimatkan input

Oleh [Amir Mamat](#) - September 20, 2021 @ 4:53pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Kumpulan penyelidik yang membangunkan Sistem Fertigasi IoT UTeM, Dr Anas Abdul Latiff (kiri), Ketua Penyelidik, Dr Fakrulradzi Idris (tiga dari kiri) dan Muhammad Amirul Buntat (kanan) - Foto NSTP/Amir Mamat

MELAKA: Sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membangunkan Sistem Fertigasi Internet of Thing (IoT) dalam usaha membantu meningkatkan keberkesanan sistem pembajaan dan hasil tanaman sektor agro makanan negara.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof Dr Ghazali Omar, berkata sistem IoT dapat membantu golongan petani untuk memantau data asas pertanian dan mengawal proses pembajaan secara dalam talian melalui komputer atau telefon pintar.

Beliau yang menjalankan tugas Naib Canselor UTeM berkata, sistem terbabit memberikan impak besar buat sektor pertanian kerana ia sangat membantu serta menjimatkan masa bagi pengurusan dan pengendalian kebun atau ladang.

"Kejayaan UTeM membangunkan sistem ini sama seperti membawa teknologi moden ke dalam sektor agro makanan negara serta bertindak sebagai pemangkin kebolehcapaian Dasar Agromakanan Negara 2.0," katanya dalam kenyataannya, hari ini.

Projek penyelidikan dan pembangunan sistem fertigasi IoT diketuai oleh Ketua Penyelidik yang juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Dr Fakrulradzi Idris bersama pengurus projek, Dr Anas Abdul Latiff yang juga pensyarah FKEKK serta Pembantu Penyelidik Siswazah FKEKK, Muhammad Amirul Buntat.

Sementara itu, Fakrulradzi berkata, kerja penyelidikan projek pembangunan sistem terbabit bermula sejak 2019 dan merangkumi tiga fasa pengujian bagi menguji kemampuan sistem fertigasi IoT itu.

Katanya, pengujian fasa satu bermula dari Disember tahun lalu hingga Mei lalu di Tapak Satelit Bumi FKEKK dengan penanaman terung mini dalam 120 beg poli.

"Pengujian fasa kedua pula membabitkan ujian keberkesanan sistem untuk komuniti luar dan projek ini bermula selama enam bulan bermula dari Jun lalu sehingga Disember ini di Kebun Komuniti Taman Tasik Utama (TTU), Ayer Keroh yang membabitkan penanaman 500 beg poli cili centil dan cili kulai.

"Bagi pengujian fasa ketiga pula bermula bulan lalu sehingga Januari tahun hadapan di Tapak Satelit Bumi FKEKK dengan penanaman buah tembikai 'rock melon' dan timun kecil sebanyak 90 beg poli," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata menerusi pengujian bagi fasa satu dan dua setakat ini, tahap keberkesanan pelaksanaan sistem fertigasi IoT itu menunjukkan pengurangan penjimatan penggunaan baja sebanyak 30 peratus, hasil tuaian pula lebih daripada kadar biasa manakala tempoh penanaman berjaya disingkatkan.

Beliau berkata, projek terbabit dibiayai oleh UTeM menerusi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) Program 2020 mengambil masa pembangunan sistem ini dalam tempoh 15 bulan.